

ABD. KHAHAR BIN SAPRANI
JABATAN KURIKULUM DAN TEKNOLOGI PENGAJARAN
FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR

Tarikh: 2 Februari, 2005.

Pengarah
 Institut Bahasa Melayu Malaysia
 Lembah Pantai
 Kuala Lumpur.

Melalui
 Profesor Madya Dr. Raja Maznah Raja Hussain
 Jabatan Kurikulum dan Teknologi Pengajaran
 Fakulti Pendidikan
 Universiti Malaya
 Kuala Lumpur.

Tuan,

Kajian Rintis Penyelidikan Pendidikan

Dimaklumkan bahawa, saya adalah seorang pelajar pasca siswazah di universiti berkenaan dan sedang berusaha untuk menyempurnakan kajian ilmiah yang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Kajian tersebut bertajuk;

Penggunaan Kaedah dan Strategi Pengajaran Komponen TMK dalam Sukatan Pelajaran Pengurusan Sumber, KPLI.

2. Berhubung dengan perkara tersebut, saya ingin memohon kerjasama dari pihak tuan untuk membenarkan saya mengendalikan satu kajian rintis di institut tuan. Untuk makluman tuan, kajian rintis ini adalah untuk menguji instrumen kajian yang akan saya gunakan dalam kajian sebenar nanti. Ia akan melibatkan proses pemerhatian satu episod pengajaran, menemu bual seorang pensyarah dan satu kumpulan fokus yang terdiri dari empat orang pelajar KPLI.
3. Bersama-sama ini saya lampirkan instrumen kajian yang akan digunakan untuk rujukan tuan. Ia terdiri daripada protokol pemerhatian, protokol temu bual pensyarah, dan guru pelatih.
4. Segala budibicara dan kerjasama yang tuan berikan, saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Saya yang benar,

(ABD. KHAHAR BIN SAPRANI)
 JKTP, Fakulti Pendidikan, UM.

- s.k. i. Ketua Jabatan, JKTP, FPUM.
 ii. Penyelia Kajian.